

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN SARAWAK

TARIKH : 28 OGOS 2022 (AHAD)

# Perpustakaan baharu mampu perkenal pelancongan ilmu

**KINABATANGAN:** Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan merupakan satu daripada empat projek pembangunan infrastruktur Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang mampu memperkenalkan pelancongan ilmu di daerah itu, kata menterinya Datuk Seri Nancy Shukri (*gambar*) semalam.

Beliau berkata perpustakaan bernilai RM6.86 juta yang dibina pada 2018 dan siap pada September lepas itu bukan sahaja boleh dikagumi dari aspek bangunan yang berkonsepkan kayu bakau malah untuk mendapatkan maklumat mengenai destinasi pelancongan di Kinabatangan.

"Usaha pemerksaan dan naik taraf prasarana lengkap dengan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta jaringan Internet

berkelajuan tinggi di perpustakaan akan melahirkan generasi tempatan yang bijak, mampu menghasilkan penemuan baharu melalui kajian bertaraf antarabangsa hingga menjadi rujukan semua pihak.

"Pelbagai maklumat digital dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan mudah melalui portal u-Pustaka yang disediakan secara percuma untuk rakyat... secara langsung aktiviti ini mampu memperkenalkan 'knowledge tourism' (pelancongan ilmu) di kawasan Kinabatangan ini," kata-

nya dalam ucapan perasmian perpustakaan itu semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha MOTAC Datuk Saraya Arbi.



Selain perpustakaan tersebut, tiga lagi projek pembangunan infrastruktur kementerian itu ialah pembangunan infrastruktur pelancongan pendidikan di Pusat

Pemulihan Gajah Pygmy yang telah disiapkan, pembangunan ekopelancongan di Gomantong yang sedang dilaksanakan manakala naik taraf infrastruktur inap desa Miso Walai di peringkat reka bentuk

oleh Jabatan Kerja Raya.

Ketika ditemui pemberita, Saraya berkata kesemua empat projek itu melibatkan peruntukan berjumlah RM17 juta.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah Zainuddin Aman berkata KSTI sedang melaksanakan projek pembinaan bangunan perpustakaan baharu di Kunak dan Tenom manakala dalam perancangan membina perpustakaan di Kota Marudu.

Beliau berkata, KSTI akan membangunkan sudut sains di Perpustakaan Keningau dengan kos RM3 juta selain bekerjasama dengan Petronas bagi mewujudkan sudut reka cipta dikenali sebagai 'MakerSpace' di Perpustakaan Negeri Cawangan Sandakan dan Tawau. - Bernama